

Hutang Malaysia termasuk liabiliti cecah RM1.5 trilion

BH - 18/1/2023 w/s: 2

Negara boleh jimat RM10b jika kebocoran sistem perolehan kerajaan dapat dikawal

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Hutang negara termasuk liabiliti kini sudah mencecah RM1.5 trilion dan perlu ditangani dengan segera, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, kedudukan ekonomi negara masih belum kukuh dan ia ada kaitan dengan perkembangan antarabangsa, termasuk perang Ukraine-Russia dan penularan COVID-19.

"Kalau ikut unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sendiri pun, ia (ekonomi) terus menurun.

"Cabaran kita. Masalahnya hutang negara sudah mencecah hampir RM1.2 trilion. Ini kenyataan, kerana ada yang pertikai.

"Kalau termasuk liabiliti, ia sudah RM1.5 trilion," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Dialog Belanjawan 2023 di Kementerian Kewangan

di sini, semalam.

Turut hadir dua Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan dan Steven Sim Chee Keong; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican.

Berikutan itu, beliau berkata, kerajaan tidak akan mengambil pendekatan *business as usual* (urusan seperti biasa) dan akan mengambil pendekatan yang berbeza untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi negara.

"Sebab itu, kita beri angka yang sebenar. (Bayaran) khidmat hutang pada 2023 adalah sebanyak RM45 bilion, iaitu 15 peratus daripada hasil negara dan ini juga maksimum yang mampu ditangani oleh negara," katanya.

Kebocoran boleh dihentikan

Pada majlis sama, Perdana Menteri berkata negara boleh melakukakan penjimatan sehingga RM10 bilion jika kebocoran yang berlaku dalam sistem perolehan kerajaan ketika ini dapat dikawal.

Anwar berkata, kebocoran boleh dihentikan sekiranya amalan rasuah dibanteras di semua peringkat, termasuk mengubah cara lama iaitu tanpa campur tangan politik atau kepentingan peniaga besar dalam perolehan kerajaan.

"Jika sistem perolehan dilakukan sedemikian, kerajaan mam-



Anwar mempengerusikan Majlis Dialog Belanjawan 2023 di Putrajaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

pu menyelamatkan kira-kira RM10 bilion daripada kebocoran yang berlaku," katanya.

Memberi contoh perolehan membabitkan Kementerian Pertahanan, Anwar berkata, beliau sudah berbincang dengan pihak terbabit untuk mereka menentukan kaedah pembelian senjata yang lebih profesional.

"Biarkan urusan (perolehan) untuk tentera udara, laut dan darat dipertanggungjawabkan mengusulkan jenis barangan terbaik, dan runding antara kerajaan tanpa campur tangan politik atau kepentingan peniaga.

"Berdasarkan pengalaman sa-

ya, isu mengenai banjir, senjata, kalau diserahkan kepada mereka yang ada upaya, kita (dapat) kurangkan (kebocoran).

"Belum dua bulan memasuki Kementerian Kewangan, saya kenal pasti ada RM3 bilion atau RM4 billion boleh diselamatkan, bocor kepada parti dan sebagainya," katanya.

Mengulas mengenai tumpuan Belanjawan 2023 yang akan dibentangkan pada 24 Februari ini, beliau berkata ia menjurus kepada bidang baharu termasuk ekonomi hijau, digital serta perusahaan kecil sederhana (PKS).

"Selama ini bidang seperti PKS

tidak diberikan tumpuan sedangkan ia adalah tunjang kepada ekonomi negara. Tumpuan juga terhadap isu perkhidmatan, terutama teknologi digital yang sedikit ketinggalan," katanya.

Beliau berkata, usaha untuk mengupayakan PKS bukan bermakna kerajaan tidak menghiraukan konglomerat besar, sebaliknya akan terus memberikan galakan untuk syarikat besar.

Pada sidang media selepas itu, Anwar berkata Belanjawan 2023 akan diteliti semula dari semua aspek dan tidak terikat dengan belanjawan lalu (dibentangkan tahun lalu).